daripada nilai tanah bagi lot 922. Saya bersetuju dengan keputusan itu. Jadi, sekiranya nilai tanah lot 918 pada tarikh-tarikh yang relevan itu kurang dari RM6 satu kaki persegi, adalah tidak menasabah nilai tanah lot 922 melebihi daripada RM6 satu kaki persegi, dan lagi, oleh sebab nilai tanah bagi lot 922 adalah lebih rendah daripada nilai tanah bagi lot 918, saya berpuashati bahawa awad sebanyak RM5.50 satu kaki persegi yang diberi oleh Pentadbir Tanah Daerah itu adalah menasabah dan berpatutan.

Memandangkan kepada keadaan keseluruhannya saya berpendapat adalah tidak wajar pampasan (RM5.50 satu kaki persegi) yang diberi oleh Pentadbir Tanah Daerah itu diketepikan. Dengan yang demikian, rayuan oleh Pemohon-Pemohon dalam kedua-dua Perujukan Tanah ini ditolak. Kos dibayar oleh masing-masing.

PENDAKWA RAYA

lwn.

SEACH BEE LYE

MAHKAMAH TINGGI, JOHOR BAHRU
DATO' HJ. ARIFIN BIN HJ. JAKA PK
[PERBICARAAN JENAYAH NO 47-3-90]
17 FEBRUARI 1994

DADAH BERBAHAYA: Tuduhan mengedar dadah berbahaya - Akta Dadah Berbahaya 1952 s. 39B(1)(a) - Pendakwa Raya mengeluarkan warkah keizinan untuk mendakwa sebelum dadah dianalisa oleh ahli kimia - Keizinan mengenalpasti dadah dan berat dadah - Keraguan tentang berat dadah dalam keizinan - Samada fatal.

PROSEDUR JENAYAH: Permohonan untuk memanggil saksi oleh pendakwa selepas kes ditutup - Samada patut dibenarkan - Samada bermakna Mahkamah menolong mengetatkan kes pendakwa - Samada hak OKT kepada "benefit of the doubt" terjejas - Kanun Prosedur Jenayah s. 425.

KETERANGAN: Kes prima facie - Rangkaian keterangan - Penjagaan dan pengawalan eksibit - Pegawai penyiasat tidak disoal tentang penjagaan dan penyimpanan eksibit - Samada rangkaian keterangan pendakwa terputus - Samada pendakwa gagal membuktikan kes prima facie.

Tertuduh (OKT) ditangkap oleh polis pada 18 November 1989 ketika sedang membimbit briefcase dan satu beg kecil mengandungi ketulan-ketulan dadah heroin dan dituduh dibawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952. Fakta kes menunjukkan bahawa pada 22 November 1989, yakni empat hari selepas OKT ditangkap, keizinan untuk mendakwa OKT seperti diatas telah dikeluarkan oleh Pendakwa Raya dimana berat heroin yang terlibat dinyatakan didalam keizinan tersebut sebagai 25.37 gram. Fakta kes seterusnya menunjukkan bahawa pada tarikh keizinan tersebut, eksibit yang dikatakan dadah berkenaan masih belum dianalisa oleh ahli kimia. Analisa oleh ahli kimia hanya dibuat pada 11 Disember 1989 dan laporan kimia disediakan pada 17 Disember 1989. Laporan kimia tersebut, bagaimanapun, mengesahkan bahawa eksibit berkenaan adalah dadah jenis heroin seberat 25.37 gram.

Fakta juga menunjukkan bahawa pegawai penyiasat kes ini Inspektor Wan Nasaroldin (SP5) semasa memberi keterangan, telah tidak

disoal tentang penjagaan dan penyimpanan dadah yang berkenaan dan ini menyebabkan kecacatan kepada keterangan pihak pendakwa berhubung dengan penjagaan dan kawalan dadah tersebut. Setelah menutup kesnya TPR membuat permohonan dibawah s. 425 Kanun Prosedur Jenayah (KPJ) untuk memanggil balik SP5 dan seorang saksi lagi iaitu Sgt Sulaiman dengan tujuan untuk menerangkan tentang penjagaan keatas dadah tersebut dan eksibit-eksibit berkaitan.

Persoalan yang timbul adalah pertama, samada permohonan pendakwa dibawah s. 425 KPJ diatas dalam keadaan kes ini patut dibenarkan dan kedua, samada pendakwa berjaya membuktikan satu kes *prima facie* terhadap OKT.

Diputuskan:

[1] Pihak pendakwa telah gagal membuktikan satu kes *prima facie* terhadap OKT. Tanggungjawab pendakwa adalah untuk membuktikan kesnya tanpa apa-apa keraguan yang manasabah dan membuktikan rangkaian keterangan tidak terputus yang boleh menimbulkan keraguan terhadap eksibit. Meneliti keterangan yang diberikan oleh saksi-saksi, jelas bahawa pendakwa gagal membuktikan eksibit dijaga dan disimpan dengan selamat. Paket-paket plastik yang dikatakan mengandungi dadah heroin berkenaan, umpamanya, tidak berseal dan beg hitam yang mengandungi paket-paket tersebut juga tidak dikunci.

Tidak juga terdapat keterangan siapa yang mengawasi briefcase dan beg hitam setelah dibawa kepejabat Cawangan Anti Dadah oleh SP3 sebelum pemeriksaan keatas eksibit tersebut dibuat. Pegawai penyiasat juga tidak menjelaskan dimana eksibit disimpan, samada ianya disimpan di tempat yang selamat seperti peti besi, safe atau sebagainya yang berkunci sebelum diserahkan kepada ahli kimia.

[2] Keizinan untuk pendakwaan bertarikh 22 November 1989 menyatakan bahawa berat dadah heroin ialah 25.37 gram. Oleh kerana dadah berkenaan hanya dianalisa oleh ahli kimia pada 11 Disember 1989 timbul persoalan bagaimana Timbalan Pendakwa Raya boleh mengenalpasti dadah dan mempastikan beratnya sebelum analisa dibuat oleh ahli kimia. Kenapa keizinan untuk mendakwa tersebut bertarikh 22 November 1989 tidak dijelaskan dengan memuaskan oleh pendakwa. Walau apapun timbul keraguan samada berat dadah yang dinyatakan didalam keizinan adalah berat dadah yang dirampas dari OKT. Dalam lain-lain perkataan terdapat keraguan samada eksibit yang dirampas dari OKT adalah yang sama dengan eksibit yang dianalisa oleh ahli kimia dan yang dikemukakan diMahkamah.

[3] Timbalan Pendakwa Raya telah menyerahkan Sgt Sulaiman kepada pembela di akhir kes pendakwa dan ini bermakna Timbalan Pendakwa Raya telah membuat keputusan bahawa keterangan dari pegawai tersebut tidak perlu bagi mengadili kes ini.

[4] Adalah tidak adil bagi Mahkamah membenarkan permohonan untuk memanggil pegawai penyiasat atau pun Sgt Sulaiman selepas pendakwa menutup kesnya kerana jika dibenarkan bermakna Mahkamah membantu pendakwa mengetatkan kesnya sehingga boleh menutup peluang OKT menggunakan kelemahan dan kesilapan pendakwa sebagai bahan pembelaan dan menjejaskan hak OKT untuk mendapatkan faedah "benefit of the doubt". Kegagalan ini adalah satu kecuaian pihak pendakwa berpunca dari pendakwaan yang tidak cekap. Mahkamah tidak boleh membantu pihak pendakwa sehingga menjejaskan hak OKT. Dalam keadaan kes ini kegagalan pendakwa untuk memanggil Sgt Osman dan menyoal pegawai penyiasat tentang penjagaan dan penyimpanan eksibit adalah fatal kepada kes pendakwa.

[OKT dibebaskan tanpa dikehendakki membela diri].

Kes-kes yang dirujuk:

Ramli bin Kecik [1986] 2 MLJ 33 ***(dirujuk)***

Public Prosecutor lwn. Lim Lian Chen [1990] 2 CLJ 1020 ***(dirujuk)***

Public Prosecutor lwn. Mohamed Halipah [1982] 1 MLJ 155 ***(dibezakan)***

Abdullah bin Yaacob lwn. Public Prosecutor [1991] 2 MLJ 237 ***(dirujuk)***

Teoh Hoe Chye lwn. Public Prosecutor [1987] 1 MLJ 220 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Akta Dadah Berbahaya 1952, s. 39B(1)(a)

Kanun Prosedur Jenayah, s. 425

Bagi pihak pendakwa raya - Hanif bin Hassan & Azmi bin Ariffin, TPP

Bagi pihak tertuduh - Teh Poh Teik; T/n. Teh Poh Teik & Co.

ALASAN PENGHAKIMAN

Haji Arifin Bin Haji Jaka PK:
Pertuduhan terhadap Seach Bee Lye orang kena tuduh (OKT) adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 18 November 1989 jam lebih kurang 10.00 pagi di Jalan Senyum, Johor Bahru, dalam Daerah Johor Bahru, di dalam Negeri Johor telah didapati mengedar 25.37 gram heroin dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah s. 39B(2) Akta yang sama.

Pendakwa telah memanggil lima orang sakai dan dari keterangan mereka kes pendakwa adalah seperti berikut. Pada 18 November 1989 jam lebih kurang pukul 9.00 pagi Det. Kons. Abd. Khalid (SP3) bersama Det. Kons. Nooh (SP4) dan Det. WPC Aminah keluar meronda di kawasan Johor Bahru. SP3 dan SP4 menunggang motosikal JAP6630 manakala Det. WPC Aminah menunggang motosikal JBT3005. Lebih kurang pukul 10.00 pagi anggota-anggota polis ini berada di Jalan Senyum dan SP3 nampak seorang perempuan Cina membimbit sebuah briefcase (P26) di tangan kirinya dan sebuah beg kecil berwarna hitam (ID27) di tangan kanannya. Perempuan Cina itu dicamkan sebagai OKT. SP3 mengesyaki OKT ada membawa barang salah dan terus menghampiri OKT. SP3 mengenalkan diri sebagai polis dengan menunjukkan kadkuasanya dan terus menahan OKT. Seterusnya OKT dibawa dengan sebuah teksi ke pejabat CAD, Ibu Pejabat Kontingen Polis Johor Bahru. Semasa dalam perjalanan ke pejabat CAD briefcase (P26) dan beg hitam (ID27) ada di dalam kawalan SP3.

Di pejabat CAD Det. WPC Aminah telah menjalankan pemeriksaan ke atas badan OKT tetapi tidak menjumpai apa-apa barang salah. SP3 memeriksa briefcase (P26) setelah dibuka oleh OKT dengan menggunakan nombor kombinasi 909 dan didapati beberapa helai pakaian di dalamnya dan dua bungkusan suratkhabar New Straits Times dari poket briefcase (P26) itu. Di dalam bungkusan pertama (P2) didapati satu beg plastik yang berisi ketulan-ketulan yang disyaki heroin manakala di dalam bungkusan kedua (P3) pula didapati 10 plastik kecil yang berisi juga disyaki dadah heroin. Beg kecil (ID27) pula didapati berisi 3 bungkusan suratkhabar yang mana tiap-tiap satunya diikat dengan getah bulat: (a) Bungkusan pertama (P4) didapati mengandungi 10 beg plastik kecil tiap-tiap satu berisi ketulan-ketulan yang disyaki dadah heroin. (b) Bungkusan kedua (P5) didapati mengandungi 11 beg plastik kecil tiap-tiap satu berisi ketulan-ketulan yang disyaki dadah heroin. (c) Bungkusan ketiga (P6) didapati mengandungi 6 beg plastik kecil tiap-tiap satu berisi ketulan-ketulan yang disyaki dadah heroin. Setelah selesai pemeriksaan SP3 menyerahkan OKT dan semua barang-barang yang dirampas kepada pegawai penyiasat Insp. Wan Nasaroldin (SP5) pada pukul 1.20 petang.

Pada 20 November 1989 lebih kurang pukul 9.30 pagi SP5 telah menyerahkan bungkusan-bungkusan (P2 - P6) kepada ahli kimia En. Lim Kieng Chwee (SP1) di pejabatnya di Jabatan Kimia Johor Bahru untuk diperiksa dan dianalisa. Setelah menjalankan ujian dan analisa SP1 mengesahkan P2 - P6 mengandungi heroin seperti yang disenaraikan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 dan jumlah berat heroin ialah 25.37 gram.

Di akhir kes pendakwaan saya memutuskan pihak pendakwa telah gagal membuktikan satu kes *prima facie* terhadap OKT dan membebaskan dan melepaskan OKT tanpa dikehendaki membela diri atas pertuduhan yang dihadapinya.

Sebelum menjelaskan alasan-alasan keputusan yang dibuat saya ingin menyentuh dahulu satu perkara yang ditimbulkan oleh Timbalan Pendakwa Raya di dalam kes ini. Setelah menutup kesnya Timbalan Pendakwa Raya membuat permohonan di bawah s. 425 Kanun Prosedur Jenayah untuk memanggil balik SP5 dan seorang saksi lagi iaitu Sgt. Sulaiman dengan tujuan hanya setakat menerangkan dengan lebih lanjut penjagaan ke atas eksibit-eksibit dan permohonan ini dibantah oleh En. Teh Poh Teik Peguam bagi pihak OKT.

Di bawah s. 425 Mahkamah diberi kuasa untuk memanggil seseorang sebagai saksi atau memanggil semula saksi yang telah memberi keterangan di dalam sesuatu perbicaraan jika keterangan tersebut nampaknya perlu bagi membuat keputusan yang adil di dalam kes itu (just decision of the case). Tetapi kuasa ini sebagaimana yang telah diputuskan di dalam beberapa kes hendaklah digunakan atas

budibicara Mahkamah berdasarkan atas fakta-fakta sesuatu kes itu: [lihat *Ramli bin Kecik* [1956] 2 MLJ 33 dan *Public Prosecutor v. Lim Lian Chen* [1990] 2 CLJ 1020]. Setelah meneliti keterangan SP3 dan SP5 berkenaan penjagaan eksibit dan memandangkan kekeliruan yang timbul berkisarkan kandungan keizinan (P1) seperti yang saya huraikan kemudian dan mengambil kira keadaan keseluruhan kes ini saya menggunakan budicara saya dan menolak permohonan Timbalan Pendakwa Raya. Saya berpendapat adalah tidak adil bagi saya membenarkan permohonan ini selepas pendakwa menutup kesnya kerana jika dibenarkan bermakna Mahkamah membantu pendakwa mengetatkan kesnya sehingga boleh menutup peluang OKT menggunakan kelemahan dan kesilapan pendakwa sebagai bahan pembelaan dan menjejaskan hak OKT untuk mendapatkan faedah benefit of the doubt. Kegagalan pendakwa tidak menyoal SP5 semasa dia memberi keterangan berkenaan penjagaan dan penyimpanan eksibit-eksibit dan kegagalan memanggil Sgt. Sulaiman adalah satu kecuaian pihak pendakwa berpunca dari pendakwaan yang tidak cekap dijalankan. Timbalan Pendakwa Raya telah menyerahkan Sgt. Sulaiman kepada pembela di akhir kes pendakwa dan ini pada hemat saya Timbalan Pendakwa Raya telah membuat keputusan keterangan dari pegawai ini tidak perlu bagi mengadili kes ini. Pada pendapat saya dalam keadaan sedemikian Mahkamah tidak boleh dan tidak seharusnya membantu pihak pendakwa sehingga menjejaskan hak OKT.

Sekarang saya berbalik kepada alasan-alasan saya atas keputusan bahawa pendakwa telah gagal membuktikan kes *prima facie*. Keputusan saya adalah dibuat setelah meneliti keterangan yang diberikan oleh saksi-saksi pendakwa terutamanya keterangan SP1 (ahli Kimia) dan SP5 (pegawai penyiasat) di mana saya mendapati keraguan samada eksibit-eksibit yang dirampas dari OKT adalah yang sama dengan eksibit-eksibit yang diuji dan dianalisa oleh SP1 (ahli kimia) dan yang dikemukakan di Mahkamah.

En. Teh Poh Teik Peguam bagi pihak OKT semasa berhujah merujuk kepada keizinan (P1) untuk pendakwaan di dalam mana dinyatakan berat dadah heroin ialah 25.37 gram. Jika diteliti maka didapati P1 bertarikh 22 November 1989 iaitu tarikh sebelum SP1 selesai menjalankan ujian di atas eksibit-eksibit P2 - P6. SP1 di dalam keterangannya semasa diperiksa balas menegaskan beliau selesai menjalankan ujian ke atas eksibit-eksibit pada 11 Disember 1989. Laporan kimia hanya disediakan pada 17 Disember 1989 dan diserahkan kepada SP5 (pegawai penyiasat) pada 3 Januari 1990. Kenapa P1 bertarikh 22 November 1989 sebelum eksibit-eksibit selesai dianalisa tidak dijelaskan dengan memuaskan oleh pendakwa dan penjelasan hanya setakat di dalam hujah oleh Timbalan Pendakwa Raya yang mengatakan ini tidak fatal dan ini mungkin kesilapan 'clerical error' sahaja. Timbalan Pendakwa Raya merujuk kepada kes *Public Prosecutor v. Mohamed Halipah* [1982] 1 MLJ 155 bagi menyokong hujahnya. Dengan rendah diri saya tidak bersetuju dengan hujah Timbalan Pendakwa Raya. Kes *Public Prosecutor v. Mohamed Halipah* adalah jelas memutuskan antara lain:

> Held: (3) although the charge had been amended after the consent given for the prosecution by the public prosecutor, as the prosecution was conducted by the Deputy Public Prosecutor the consent of the public prosecutor was implicit. The amendment of the charge by the Deputy Public Prosecutor was proper and the court had jurisdiction to try the accused under the amended charge.

Di dalam kes sekarang soal pokok yang dipertikaikan oleh Peguam bagi pihak OKT bukanlah samada keizinan (consent) telah diberikan tetapi lebih penting lagi ialah samada berat dadah yang dinyatakan di dalam keizinan (P1) adalah berat dadah yang dirampas dari OKT. Berbalik kepada keterangan SP1 di mana beliau menyatakan eksibit-eksibit selesai dianalisa pada 11 Disember 1989 maka tidak dapat dinafikan ada keraguan tentang dadah dan beratnya yang disebut didalam keizinan (P1). Macamana Timbalan Pendakwa Raya boleh mempastikan dadah dan beratnya sebelum dianalisa oleh ahli kimia? Saya sedar bahawa eksibit-eksibit diterima kembali oleh SP5 dari ahli kimia pada 22 November 1989 iaitu dua hari selepas dihantar ke Jabatan Kimia tetapi berdasarkan keterangan SP1 sendiri ada kemungkinan eksibit-eksibit yang diterima pada hari itu bukanlah eksibit-eksibit yang berkaitan dengan kes ini. Tidak ada keterangan dikemukakan di mana SP1 menyimpan eksibit-eksibit semenjak dia menerimanya dari SP5 sehingga dikembalikan kepadanya. Oleh yang

demikian saya berpendapat butir-butir dadah yang dicatitkan di dalam keizinan (P1) adalah mengelirukan dan keizinan tidaklah sah.

Selain dari itu saya dapati juga tidak ada keterangan yang membuktikan tanpa keraguan bahawa eksibit-eksibit di dalam kes ini dikawal dan disimpan oleh pegawai yang tertentu. Briefcase (P26) dan beg hitam (ID27) dibawa oleh SP3 sendiri dari tempat OKT ditahan ke pejabat CAD. Di pejabat CAD pemeriksaan di jalankan oleh SP3 di atas briefcase (P26) dan beg hitam (ID27). Hasil dari pemeriksaan ini SP3 menjumpai bungkusan-bungkusan yang ditandakan dengan E, F, G, H, & I yang mengandungi beberapa paket plastik kecil yang berisi ketulan-ketulan disyaki heroin. SP3 memberitahu bahawa paket-paket plastik ini tidak berseal dan beg hitam (ID27) tidak berkunci. Tidak ada keterangan didapati siapa yang mengawasi briefcase (P26) dan beg hitam (ID27) setelah dibawa ke pejabat CAD oleh SP3 sebelum pemeriksaan ke atas eksibit-eksibit ini dijalankan dan siapa yang menandakan P26 dengan huruf J' dan ID27 dengan huruf K'. Setelah eksibit-eksibit ditandakan oleh SP3 tidak ada keterangan yang membuktikan eksibit-eksibit ini dikawal oleh sesiapa sehingga diserahkan kepada SP5. Dalam masa lebih kurang tiga jam kemudian SP5 telah menerima eksibit-eksibit ini dari SP3 pada pukul 1.20 petang hari yang sama iaitu pada 18 November 1989 dan kemudian menyerahkan eksibit-eksibit ini pada 20 November 1989 pukul 9.30 pagi kepada SP1 (ahli kimia). SP5 (pegawai penyiasat) tidak menjelaskan di mana eksibit-eksibit ini disimpan, samada disimpan ditempat yang selamat seperti di dalam peti besi, safe atau sebagainya yang berkunci sebelum diserahkan kepada ahli kimia (SP1). Saya sedar bahawa SP3 telah membuat tanda-tanda di atas eksibit-eksibit ini tetapi ini pada pendapat saya tidak memadai dan tidak memberi jaminan bahawa eksibit-eksibit ini tidak diganggu (tempered with) oleh sesiapa memandangkan plastik-plastik beg itu tidak berseal.

Tanggungjawab pendakwa di dalam sesuatu kes ialah untuk membuktikan kesnya tanpa apa-apa keraguan yang munasabah (beyond any reasonbale doubt) dan membuktikan rangkaian keterangan (chain of evidence) tidak terputus yang boleh menimbulkan keraguan terhadap eksibit. [Lihat: *Abdullah bin Yaacob v. Public Prosecutor* [1991] 2 MLJ 237].

Di dalam kes *Teoh Hoe Chye v. Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 220, 229 Abdul Hamid CJ (Malaya) [ketika itu] menjelaskan:

> We would observe at this point that the law is clear in that it is unnecessary to call evidence to ensure there is no break in the chain of evidence [*Su Ah Ping v. Public Prosecutor* [1980] 1 MLJ 75]. But where doubt as to the identity of an exhibit arises, a failure to adduce evidence to provide the necessary link in the chain of evidence would be fatal to the prosecution case.

Berdasarkan kes-kes yang dirujuk di atas dan setelah meneliti keterangan-keterangan dan keseluruhan keadaan di dalam kes ini saya berpendapat kegagalan pendakwa membuktikan eksibit-eksibit disimpan dengan selamat dan kegagalan memanggil Sgt. Sulaiman sebagai saksi adalah fatal bagi kes pendakwaan ini menimbulkan keraguan di atas eksibit-eksibit yang dikemukakan di Mahkamah.

Akhirnya di atas sebab-sebab yang dijelaskan di atas saya berpendapat dan membuat keputusan pihak pendakwa telah gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap OKT. Oleh yang demikian saya membebaskan dan melepaskan OKT tanpa dikehendaki membela diri.